

Lelaki didenda RM5,000 kerana ugut sebar gambar dan video bogel kenalan wanita

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini, semalam mengenakan denda sebanyak RM5,000 terhadap seorang lelaki berusia 21 tahun atau penjara 12 bulan jika gagal membayar denda kerana mengugut seorang wanita yang dikenalnya melalui aplikasi Tinder untuk menyebarkan gambar dan video bogelnya.

Majistret Mason Jaro Lenya Barayan menjatuhkan hukuman itu terhadap Chen Boon Ming selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksan kerana melakukan ugutan jenayah dengan niat untuk menuduh mangsa berkelakuan sumbang.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah kompleks pangsapuri di Jalan Stampin Tengah pada kira-kira jam 5.46 petang, 26 Oktober tahun ini.

Berdasarkan fakta kes, mangsa yang bekerja sebagai penjual ais krim telah membuat laporan polis dengan menyatakan bahawa ketika berada di rumah, dia menerima mesej WhatsApp daripada Chen, yang dikenalnya selama beberapa bulan.

Chen telah mengugut untuk menyebarkan gambar dan video bogel mangsa sekiranya mangsa gagal membalas mesejnya.

Polis menahan tertuduh pada 28 Oktober dan merampas empat telefon bimbit serta lima kad Modul Pengenalan Pelanggan (SIM), semuanya milik Chen.

Siasatan mendapati salah satu telefon yang dirampas mengandungi mesej ugutan serta gambar dan video bogel mangsa, seperti yang dilaporkan oleh mangsa.

Chen membuat ugutan itu kerana marah selepas mangsa tidak membalas mesej WhatsApp daripadanya.

Tertuduh tidak diwakili peguam semasa prosiding dijalankan.